

# Buletin

Ramadhan 1445/ Mac 2024

# ACIS

Memperbetulkan  
fahaman  
masyarakat,  
Ramadan sekadar  
bulan puasa



eISSN 2600-8289



9 772600 8289

# MEMPERBETUL FAHAMAN MASYARAKAT, RAMADAN SEKADAR BULAN PUASA

Oleh:

**Dr Mohd Kamel bin Mat Salleh**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Ramadan adalah bulan yang paling mulia daripada sekalian bulan yang dianugerahkan khas oleh Allah SWT kepada umat Islam. Ini adalah kerana terdapat amat banyak kelebihan dan kemuliaan dalam bulan tersebut yang tidak terdapat pada bulan lain.

Kelebihan Ramadan bukan sekadar terletak kepada ibadah puasa. Sesungguhnya pemahaman segelintir masyarakat yang menyebut Ramadan ialah bulan puasa perlu diperbetul. Ungkapan seperti "selamat menyambut bulan puasa" tidak sepatutnya dilahirkan oleh seorang mukmin sedangkan yang sepatutnya disambut dengan penuh kegembiraan ialah kedatangan Ramadan itu sendiri bukan sekadar puasa yang dikerjakan. Sandaran ini seolah-olah menggambarkan bahawa puasa itu hanya di bulan Ramadan. Memang benar puasa yang wajib hanya di bulan Ramadan tetapi kesyumuluan Islam menerangkan puasa-puasa sunat juga terdapat di bulan-bulan lain yang ternyata ganjaran pahalanya juga amat besar dan berlipat kali ganda. Apabila pemikiran manusia sudah tertumpu ke situ, maka kelebihan-kelebihan lain yang terdapat dalam bulan Ramadan seolah-olah dilupakan.

## **Ramadan bulan diturunkan al-Quran.**

Bulan Ramadan bulan diturunkan al-Quran. Maksud firman Allah SWT di dalam al-Quran " *Bulan Ramadan itu adalah bulan diturunkan al-Quran sebagai petunjuk kepada manusia dan keterangan-keterangan tentang petunjuk tersebut dan pemisah di antara yang hak dan yang batil*". (Surah al-Baqarah ayat 185)

Ayat al-Quran pertama diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad ialah ayat satu hingga lima surah al-Alaq ketika baginda beruzlah di Gua Hira. Datanglah Malaikat Jibril membawa wahyu dari Allah sebagai isyarat perlantikan baginda sebagai nabi dan rasul. Peristiwa ini berlaku pada 17 Ramadan. Sesungguhnya kitab lain yang diturunkan oleh Allah kepada para rasul turut berlaku pada bulan Ramadan. Suhuf Nabi Ibrahim diturunkan pada malam 1 Ramadan, Kitab Taurat pada 6 Ramadan, Kitab Injil pada 13 Ramadan dan kitab Zabur pada tanggal 12 Ramadan.

Sehubungan dengan itu kita digalakkan mengisi Ramadan dengan mendampingi diri kepada al-Quran. Ini termasuk bertadarus dan memahami makna dan isi kandungan al-Quran. Kadang-kadang ada dalam kalangan kita yang terlalu berlumba-lumba untuk khatam al-Quran di bulan Ramadan. Memang tidak dinafikan bahawa semangat ini amatlah baik dan perlu dijadikan budaya dan kebiasaan, tetapi alangkah baik jika diambil langkah usaha-usaha memahami maksud ayat yang terkandung di dalamnya.

Zaman sekarang, kemudahan untuk memahami isi kandungan al-Quran amatlah mudah. Terdapat banyak kitab al-Quran yang telah diterjemah sebagai panduan untuk mengetahui terjemahan ayat al-Quran. Alangkah baik jika diluangkan sedikit masa selepas bertadarus dengan meneliti maksud ayat-ayat yang dibaca supaya lebih dekat diri kita dengan kitab Allah yang bermukjizat ini.

## **Ramadan bulan pengampun dosa.**

Bulan Ramadan ialah bulan penghapus doa. Sabda Nabi SAW yang maksudnya "*Solat lima waktu, Jumaat ke Jumaat, Ramadan ke Ramadan adalah penghapus dosa yang dilakukan antara kedua-dua tempoh tersebut, asal sahaja bukan dosa besar*". Di dalam satu hadith lain, Nabi SAW telah bersabda yang bermaksud "*Sesiapa yang menghidupkan bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan keredaan Allah, nescaya akan diampunkan dosa-dosanya yang lalu*".

Maknanya di sini, Ramadan itu perlu dihidupkan siang dan malamnya. Jika orang yang memahami Ramadan itu sekadar bulan puasa, maka apa pula aktiviti mereka di malam bulan Ramadan adakah tiada pengisian lain yang wajar dipenuhi untuk mendapatkan keredaan Allah SWT?

Jadualnya telah direncanakan oleh Tuan Yang Membuat Syariat itu sendiri. Orang mukmin tidak perlu membuat jadual sendiri apa aktiviti di malam Ramadan kerana ia telah disediakan oleh Allah SWT dan kita hanya melaksanakan sahaja. Penyusunan program yang begitu cantik ini adalah suatu bonus yang mesti diambil peluang kerana telah terbentang di hadapan mata.

## **Ramadan dan Lailatul Qadr.**

Di dalam bulan Ramadan adanya satu malam yang digambarkan oleh Allah SWT sebagai malam yang lebih baik dari seribu bulan. Malam yang dimaksudkan ialah Lailatul Qadr, malam penuh kemuliaan dan ketinggian yang akan diberikan kepada orang beriman yang bermujahadah mencari keredaan Allah.

Anugerah malam istimewa ini hanya dianugerahkan dalam bulan Ramadan dan tidak pada bulan-bulan lain. Walaupun berlakunya hanya satu malam dalam bulan tersebut tetapi kemuliaannya setara dengan seribu bulan terutama kepada mereka yang berjaya mendapatkannya dengan melakukan amal mendekatkan diri kepadanya.



Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud *"Pada bulan Ramadan ada satu malam yang lebih baik dari seribu bulan. Sesiapa yang diharamkan baginya kebajikan pada malam itu, dia akan diharamkan daripada segala kebajikan"*.

Rasulullah SAW telah menyatakan bahawa malam al-Qadar itu hanya dihaskan dan diberikan kepada umatnya sahaja dan tidak diberikan sebelumnya kepada kaum dan umat terdahulu. Lantaran itulah baginda menyarankan kepada umatnya supaya menghidupkan sepuluh malam terakhir Ramadan kerana Lailatul Qadar dianugerahkan Allah pada salah satu daripada malam tersebut. Kesungguhan Rasulullah SAW terhadap malam tersebut menyebabkan baginda beriktikaf di masjidnya di samping memerintahkan sekalian ahli keluarganya supaya berjaga agar dapat memperoleh Lailatul Qadar.

### **Ramadan bulan kemenangan.**

Ramadan juga adalah bulan kemenangan. Ini merujuk kepada kemenangan tentera Islam di dalam Perang Badar dan penaklukan Kota Makkah yang berlaku pada bulan Ramadan. Perang Badar adalah peperangan pertama dalam sejarah Islam berlaku pada 17 Ramadan dua tahun selepas hijrah baginda ke Madinah. Walaupun kurang dari sudut bilangan tentera dan alat persenjataan, tentera Islam mencapai kemenangan yang kemudiannya telah menguatkan lagi kedudukan orang Islam dan penyebaran agama Islam. Peperangan yang dianggap sebagai penentu jatuh bangun Islam telah dirakamkan oleh Allah di dalam al-Quran surah Ali Imran ayat 123 maksudnya : *"Sungguh Allah telah menolong kamu dalam peperangan Badar padahal kamu pada ketika itu orang-orang yang lemah"*.

Manakala peristiwa Pembukaan Kota Makkah berlaku pada 20 Ramadan tahun kelapan hijrah. Ia berlaku disebabkan perbuatan Musyrikin Quraisy yang telah melanggar isi Perjanjian Hudaibiah.

Melihat kepada kedua-dua kemenangan ini dicatatkan berlaku pada bulan Ramadan. Ia adalah sebagai manifestasi pengabdian diri kepada Allah bahawa puasa bukanlah halangan bagi terhasilnya suatu kemenangan. Para Sahabat Nabi diibaratkan sebagai rahib yang kuat beribadat di waktu malam sedang pada siang harinya seumpama kuda yang ligat dan tangkas pergerakannya.

Justeru itu, tidaklah boleh beralasan Ramadan ini bulan yang meletihkan, kurang produktiviti dalam mutu penghasilan kerja, lemah semangat, tidur di waktu bekerja dan pelbagai alasan lain mesti diketepikan.

### **Ramadan dan solat tarawih.**

Solat Tarawih hanya didirikan pada malam Ramadan dan tidak pada malam pada bulan selainnya. Tradisi amalan menghidupkan malam Ramadan dengan solat tarawih bermula sejak zaman Rasulullah dan kekal sehingga ke hari ini. Walaupun terdapat perbezaan dari sudut jumlah rakaatnya, tetapi yang penting ianya dilaksanakan sama ada secara berjemaah mahupun secara bersendirian.

Di dalam satu hadith, Rasulullah SAW bersabda sepertimana yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah maksudnya *"Sesiapa yang menghidupkan malam Ramadan dengan penuh keimanan dan keikhlasan kerana Allah nescaya akan diampunkan dosanya yang lalu"*.

Walaupun hadith ini secara umum menerangkan tentang amal ibadat malam Ramadan, Imam al-Nawawi menjelaskan bahawa qiam Ramadan yang dimaksudkan ialah mengerjakan Solat Tarawih.

Amat bertuahlah kepada umat Nabi Muhammad kerana dianugerahkan dengan bukan Ramadan yang diibaratkan sebagai bulan terbaik dengan terkandung di dalam bulan tersebut pelbagai kurniaan dan kelebihan.

**Sebagai akhirnya**, renunglah dan hayatilah akan kelebihan-kelebihan lain yang telah dirangkumkan oleh Rasulullah SAW dalam satu hadithnya yang bermaksud *"Umatku diberi Allah lima perkara di bulan Ramadan yang tidak diberi kepada umat-umat terdahulu : bau mulut orang yang berpuasa lebih harum di sisi Allah daripada haruman kasturi, malaikat akan memohon keampunan kepada Allah untuk orang-orang berpuasa sehingga sampai waktu berbuka, syaitan dibelenggu sehingga mereka tidak boleh berleluasa seperti biasa, Allah akan menghiasi syurga setiap hari (sebagai kurniaan untuk orang yang berpuasa), Allah akan mengampunkan dosa-dosa mereka yang berpuasa sehingga akhir bulan Ramadan"*.